

24 JUL 2001

Mahathir-Indonesia

MALAYSIA SANGGUP BANTU PEMULIHAN EKONOMI INDONESIA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 24 Julai (Bernama) -- Malaysia sanggup membantu memulihkan ekonomi Indonesia sekiranya diminta, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Menurutnya Malaysia sanggup membantu kerana sebarang masalah ekonomi di Indonesia akan memberi kesan kepada Malaysia seperti kemasukan pendatang tanpa izin ke negara ini.

"Kalau kita ditanya atau diminta untuk bekerjasama, kita sanggup bekerjasama untuk menentukan pemulihan ekonomi Indonesia kerana kalau dia tak pulih kita akan hadapi masalah dari segi dagangan, dari segi imigran dan lain-lain," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian ketika ditanya sama ada Kuala Lumpur sanggup membantu memulihkan ekonomi Indonesia kerana setiap kali berlaku masalah ekonomi atau pergolakan politik di negara itu, kesannya daripada pelbagai segi terutama kemasukan pendatang tanpa izin bertambah.

Terdahulu Dr Mahathir menyampaikan kad pintar Proton World International kepada Iris Technology Malaysia dan Jabatan Pendaftaran Negara di pejabat Iris di Taman Teknologi Malaysia di Bukit Jalil.

Dr Mahathir juga berkata Malaysia sedia bekerjasama dengan siapa saja yang dipilih sebagai pemimpin Indonesia.

"Siapa saja yang membentuk kerajaan Indonesia, kita akan terima. Kita tidak akan membuat penilaian tentang kerajaan mana yang lebih baik dan yang mana yang tidak. Mereka berhak memilih siapa saja sebagai pemimpin yang mereka mahu," katanya.

Majlis Permesyuaratan Rakyat Indonesia semalam melantik Megawati Sukarnoputri sebagai Presiden bagi menggantikan Abdurrahman Wahid yang dipecat kerana tidak cekap.

Dr Mahathir juga berkata Asean mampu mengendalikan perubahan kepimpinan di Indonesia itu kerana ia pernah berlaku di Filipina dan Thailand.

-- BERNAMA

RV AHH MAI